



Untuk Siaran Segera

LBS Tawar Kempen ‘Rezeki Ekstra Dikongsi Kembali’ dengan Bonus Menarik

Melangkah Lebih Jauh Pada Bulan Syawal dengan Ganjaran Hadiah Menarik Bernilai RM438,800 kepada Pembeli Rumah LBS

Petaling Jaya, 6 April 2023 - LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju perbandaran terkemuka, bersedia untuk melangkah lebih jauh tahun ini bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri menerusi pelancaran kempen terbaru iaitu, ‘Rezeki Ekstra Dikongsi Kembali’. Kempen ini menawarkan ganjaran “Duit Raya” bernilai lebih RM438,800 bagi mereka yang membeli rumah idaman mereka dengan LBS di samping menikmati enam tawaran bonus.

Tan Sri Lim Hock San, Pengurus Eksekutif LBS, berkongsi kegembiraan untuk meraikan kempen ini. Menurutnya, “Dalam bulan Syawal ini, kami sangat teruja untuk mengumumkan pelancaran kempen “Rezeki Ekstra Dikongsi Kembali.” Kami percaya bahawa kempen ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pembeli kami malah merealisasikan impian mereka untuk memiliki rumah idaman sekaligus menjadikan Hari Raya kali ini lebih meriah dengan ganjaran bonus dan tawaran menarik.”

Enam tawaran bonus menarik di bawah kempen ini termasuk yuran guaman percuma, ganjaran kesetiaan, skim pembayaran fleksi, yuran tempahan yang rendah, yuran keluar sifar dan pakej kelengkapan perabot. Bonus ini bertujuan untuk memberikan pelanggan LBS menikmati pengalaman pembelian yang terbaik di samping memastikan mereka dapat menerima lebih daripada yang dijangkakan.

Rezeki Ekstra Dikongsi Kembali merupakan lanjutan daripada kempen LBS Fabulous Extraaa, di mana pemenang bertuah berpeluang memenangi 22 unit Perodua Axia, 41 unit motosikal SM Sports 110R, 33 unit Sony 5.1 Cinema Home

Soundbars, 46 unit basikal gunung Decathlon Rockrider ST30, televisyen Panasonic 40' dan pelbagai peralatan elektrik secara puratanya bernilai RM1.5 juta!

Selain itu, LBS Bina juga telah memperkenalkan tiga peraduan dalam talian yang menarik dengan kerjasama istimewa untuk kempen kali ini iaitu OGAWA Malaysia. Nikmati permainan dalam talian "*Ekstra Tuah Challenge*" menerusi laman web <http://raikanrezeki.lbs.com.my>, menari "Raya Ekstra TikTok Challenge" dan "Rezeki Ekstra Raya Giveaway Contest" dan berpeluang membawa pulang produk premium OGAWA iaitu kerusi urut Smart Relux (bernilai RM10,999.00), kerusi urut My Sofa Luxe (bernilai RM8,999.00), pembersih udara, mesin urut kaki, bernilai lebih daripada RM50,000.00*. (Tertakluk kepada terma & syarat)

Tempoh kempen "Rezeki Ekstra Dikongsi Kembali" adalah dari 1 April 2023 hingga 31 Mei 2023. Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut bagi memanfaatkan Hari Raya anda dengan memiliki rumah idaman LBS, layari www.lbs.com.my atau hubungi 1700 81 8998.

-Tamat-